

PEMBINAAN KAPASITI MASYARAKAT

Buat julung kalinya, Unit Penyelidikan Perubatan Desa dengan kerjasama Pusat Pendidikan dan Perubatan Desa telah menganjurkan Bengkel Bantuan Kecemasan di Pusat Pendidikan dan Perubatan Desa, Sikuati Kudat. Bengkel ini berlangsung selama 2 hari iaitu antara 31 Julai hingga 1 Ogos 2010 serta telah dirasmikan oleh Yg. Brbahagia Prof Dr Osman Ali, Dekan sekolah Perubatan UMS. Penceramah dan tenaga pengajar terdiri daripada pensyarah-pensyarah Sekolah Perubatan sendiri. Peserta yang hadir adalah seramai 42 orang dan terdiri daripada guru-guru sekolah, pelajar-pelajar sekolah menengah serta penduduk di sekitar Sikuati amnya. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai cara-cara bantuan kecemasan yang betul. Memandangkan terdapat beberapa kampung yang terletak jauh daripada hospital, ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya pengetahuan sebegini kepada penduduk di sekitar Sikuati.

Pada hari pertama bengkel, peserta diajar bagaimana teknik-teknik bantuan kecemasan yang betul mengikut situasi kecemasan seperti *Chocking* pada kanak-kanak dan dewasa, bantuan pernafasan dan sebagainya. Pada kesokan harinya pula peserta telah menjalani ujian OSCE (praktikal) bagi melihat sama ada mereka dapat melakukan teknik-teknik yang telah diajarkan dengan betul. Pihak pengajur mendapati semua peserta layak untuk mendapat sijil bengkel bantuan kecemasan. Ramai peserta yang berharap agar bengkel ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang. Di harap, dengan pendedahan seperti ini dapat membantu penduduk Sikuati sekiranya berlaku situasi kecemasan yang tidak diingini.

Oleh: Starrine A

